

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB TENGKU ZULPURI BIN RAJA PUJI (RAUB)**

**TARIKH : 15 SEPTEMBER 2021 (RABU)**

**SOALAN**

**TENGKU ZULPURI BIN RAJA PUJI [ RAUB ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan bahawa ada cadangan memanjangkan lesen terhad jenis untuk sektor pertanian di bandar Raub. Di mana salah satu dorongan daripada Kerajaan menolong sektor pertanian di luar bandar.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Kementerian Pengangkutan Malaysia tidak pernah mengeluarkan sebarang lesen terhad sama ada Lesen Kenderaan Motor (LKM) atau Lesen Memandu Malaysia (LMM) untuk sektor pertanian secara khusus.

Namun, terdapat inisiatif atau kemudahan bagi Kenderaan *decontrolled* di Cameron Highlands, bagi mengangkut hasil agrotani dan barang-barang pertanian di sekitar Cameron Highlands, yang diberikan pengurangan kadar fi Lesen Kenderaan Motor (LKM). Hanya pemilik kenderaan yang mematuhi semua syarat yang telah ditetapkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan Malaysia sahaja dipertimbangkan untuk penawaran inisiatif ini.

Pemilik yang layak dipertimbangkan perlu mematuhi Garis Panduan yang telah ditetapkan dan pergerakan kenderaan tersebut juga adalah terkawal dan terbatas (limitasi) dalam kawasan operasi yang telah ditetapkan sahaja.

Pada masa ini, pihak Kementerian Pengangkutan Malaysia tiada sebarang perancangan untuk perluasan inisiatif atau kemudahan ini, namun terbuka untuk menerima dan mempertimbangkan sebarang permohonan serta cadangan daripada mana-mana pihak, tertakluk kepada justifikasi permohonan, dokumen sokongan yang disertakan dan pematuhan kepada syarat-syarat yang telah ditetapkan.